



MALAYSIA

BANCI EKONOMI
ECONOMIC CENSUS

2016

PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
ADMINISTRATIVE AND SUPPORT SERVICES

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

Diterbitkan oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook : www.facebook.com/StatsMalaysia
Twitter : <https://twitter.com/StatsMalaysia>

Harga /Price : RM30.00

Diterbitkan pada Julai 2017

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

Published by:

Department of Statistics, Malaysia

Block C6, Complex C,
Federal Government Administrative Centre,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Fax : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook : www.facebook.com/StatsMalaysia
Twitter : <https://twitter.com/StatsMalaysia>

Published in July 2017

All rights reserved.

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia.

Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following.

“Source: Department of Statistics, Malaysia”.

ISBN 978-967-2000-10-5

Penerbitan ini memaparkan perangkaan bagi perkhidmatan pentadbiran dan sokongan yang diperoleh daripada Banci Ekonomi 2016 bagi tahun rujukan 2015. Perkhidmatan pentadbiran dan sokongan merangkumi aktiviti sewaan & pajakan; aktiviti pekerjaan; aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan; aktiviti keselamatan & penyiasatan; aktiviti perkhidmatan bangunan & landskap; dan aktiviti pengurusan pejabat & sokongan perniagaan lain. Perkhidmatan ini meliputi semua industri dalam Seksyen N yang dikelaskan di bawah Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver. 1.0, selaras dengan Piawaian Klasifikasi Industri Antarabangsa bagi Semua Aktiviti Ekonomi (ISIC), Semakan Ke-4, 2008. Kali terakhir banci ini dijalankan adalah pada tahun 2011 bagi tahun rujukan 2010.

Data utama yang berkaitan dengan nilai output kasar, nilai input perantaraan, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah dan nilai harta tetap dilaporkan dalam penerbitan ini. Maklumat pekerja mengikut kelulusan dan pemilikan wanita turut dipaparkan. Data tersebut boleh digunakan oleh agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan dapat membantu merancang pembangunan perniagaan.

Penerbitan ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama memaparkan hasil penemuan bagi keseluruhan perkhidmatan pentadbiran dan sokongan. Aspek teknikal seperti skop dan liputan, konsep dan definisi serta pembolehubah utama yang digunakan diterangkan di bahagian kedua bagi memudahkan pengguna memahami statistik yang diterbitkan, manakala bahagian ketiga pula memaparkan jadual perangkaan terperinci.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan Banci Ekonomi 2016 ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan laporan ini pada masa akan datang amat dihargai.

DR. MOHD UZIR BIN MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia

Julai 2017

PREFACE

This publication presents statistics on administrative and support services obtained from the Economic Census 2016 for reference year 2015. Administrative and support services encompass of rental & leasing activities; employment activities; travel agency, tour operator & reservation service activities; security & investigation activities; services to buildings & landscape activities; and office administrative & other business support activities. These services include all industries in Section N classified under the Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Ver. 1.0, in accordance with the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4, 2008. The last census was conducted in 2011 for reference year 2010.

Key data related to value of gross output, intermediate input, value added, number of persons engaged, salaries & wages and value of fixed assets are reported in this publication. Information on number of persons engaged by qualification and women ownership are also published. These data can be used by government agencies, economists, academicians, private sectors and individuals for planning and formulations policies, economic analysis, projections and to assist in business development planning.

This publication is divided into three parts. The first part displays the findings for the entire administrative and support services. Technical aspects such as scope and coverage, concepts and definitions as well as the key variables used are describes in the second part to assist users to understand the published statistics. Meanwhile, the third part provides the detailed statistical tables.

Department expressed gratitude to those who have contributed directly and indirectly to this Economic Census 2016 publication. Every feedback and suggestion towards improving future reports is highly appreciated.

DR. MOHD UZIR BIN MAHIDIN
Chief Statistician Malaysia

July 2017

Kata pengantar <i>Preface</i>	i
Kandungan <i>Contents</i>	iii
BAHAGIAN 1: Penemuan utama dan ringkasan penemuan <i>PART 1: Main findings and summary of findings</i>	3
BAHAGIAN 2: Nota teknikal <i>PART 2: Technical notes</i>	39
BAHAGIAN 3: Jadual <i>PART 3: Tables</i>	
1. Perkhidmatan pentadbiran dan sokongan <i>Administrative and support services</i>	
1.1 Perangkaan utama perkhidmatan pentadbiran dan sokongan, 2010 dan 2015 <i>Principal statistics of administrative and support services, 2010 and 2015</i>	57
1.2 Perangkaan utama perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut aktiviti, 2015 <i>Principal statistics of administrative and support services by activities, 2015</i>	58
1.3 Perangkaan utama perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut negeri, 2015 <i>Principal statistics of administrative and support services by states, 2015</i>	59
1.4 Perangkaan utama perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut taraf sah, 2015 <i>Principal statistics of administrative and support services by legal status, 2015</i>	60
1.5 Perangkaan utama perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut hak milik, 2015 <i>Principal statistics of administrative and support services by ownerships, 2015</i>	61
1.6 Perangkaan utama perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut saiz output, 2015 <i>Principal statistics of administrative and support services by size of output, 2015</i>	62
1.7 Perangkaan utama perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut saiz pekerja, 2015 <i>Principal statistics of administrative and support services by size of employment, 2015</i>	63

KANDUNGAN / CONTENTS

Jadual <i>Tables</i>		Muka surat <i>Page</i>
1.8	Perangkaan utama perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut saiz harta tetap, 2015 <i>Principal statistics of administrative and support services by size of fixed assets, 2015</i>	64
1.9	Bilangan pekerja perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut aktiviti, 2015 <i>Number of persons engaged in administrative and support services by activities, 2015</i>	65
1.10	Bilangan pekerja dan gaji & upah perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut kategori pekerja, 2015 <i>Number of persons engaged and salaries & wages in administrative and support services by category of workers, 2015</i>	66
1.11	Bilangan pekerja perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut kewarganegaraan dan kategori pekerja, 2015 <i>Number of persons engaged in administrative and support services by citizenships and category of workers, 2015</i>	67
1.12	Bilangan pekerja bergaji sepenuh masa perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut kategori kemahiran pekerja dan aktiviti, 2015 <i>Number of paid full-time employees in administrative and support services by category of skilled workers and activities, 2015</i>	68
1.13	Bilangan pekerja perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut jantina dan kelulusan, 2015 <i>Number of persons engaged in administrative and support services by sex and qualifications, 2015</i>	69
1.14	Bilangan pekerja perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut kelulusan dan aktiviti, 2015 <i>Number of persons engaged in administrative and support services by qualifications and activities, 2015</i>	70
1.15	Nilai harta tetap perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut aktiviti, 2015 <i>Value of fixed assets of administrative and support services by activities, 2015</i>	71
1.16	Nilai harta tetap perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut jenis harta, 2015 <i>Value of fixed assets of administrative and support services by type of assets, 2015</i>	72

KANDUNGAN / CONTENTS

Jadual <i>Tables</i>		Muka surat <i>Page</i>
1.17	Perangkaan utama pertubuhan milikan wanita perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut aktiviti, 2015 <i>Principal statistics of women-owned establishment in administrative and support services by activities, 2015</i>	73
1.18	Perangkaan utama pertubuhan milikan wanita perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut negeri, 2015 <i>Principal statistics of women-owned establishment in administrative and support services by states, 2015</i>	74
2	Aktiviti sewaan & pajakan <i>Rental & leasing activities</i>	
2.1	Perangkaan utama aktiviti sewaan & pajakan, 2010 dan 2015 <i>Principal statistics of rental & leasing activities, 2010 and 2015</i>	75
2.2	Perangkaan utama aktiviti sewaan & pajakan mengikut negeri, 2015 <i>Principal statistics of rental & leasing activities by states, 2015</i>	76
2.3	Perangkaan utama aktiviti sewaan & pajakan mengikut taraf sah, 2015 <i>Principal statistics of rental & leasing activities by legal status, 2015</i>	77
2.4	Perangkaan utama aktiviti sewaan & pajakan mengikut hak milik, 2015 <i>Principal statistics of rental & leasing activities by ownerships, 2015</i>	78
2.5	Bilangan pekerja dan gaji & upah aktiviti sewaan & pajakan mengikut kategori pekerja, 2015 <i>Number of persons engaged and salaries & wages in rental & leasing activities by category of workers, 2015</i>	79
3	Aktiviti pekerjaan <i>Employment activities</i>	
3.1	Perangkaan utama aktiviti aktiviti pekerjaan, 2010 dan 2015 <i>Principal statistics of employment activities, 2010 and 2015</i>	80
3.2	Perangkaan utama aktiviti pekerjaan mengikut negeri, 2015 <i>Principal statistics of employment activities by states, 2015</i>	81
3.3	Perangkaan utama aktiviti pekerjaan mengikut taraf sah, 2015 <i>Principal statistics of employment activities by legal status, 2015</i>	82

KANDUNGAN / CONTENTS

Jadual <i>Tables</i>		Muka surat <i>Page</i>
	3.4 Perangkaan utama aktiviti pekerjaan mengikut hak milik, 2015 <i>Principal statistics of employment activities by ownerships, 2015</i>	83
	3.5 Bilangan pekerja dan gaji & upah aktiviti pekerjaan mengikut kategori pekerja, 2015 <i>Number of persons engaged and salaries & wages in employment activities by category of workers, 2015</i>	84
4	Aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan <i>Travel agency, tour operator & reservation service activities</i>	
	4.1 Perangkaan utama aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan, 2010 dan 2015 <i>Principal statistics of travel agency, tour operator & reservation service activities, 2010 and 2015</i>	85
	4.2 Perangkaan utama aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan mengikut negeri, 2015 <i>Principal statistics of travel agency, tour operator & reservation service activities by states, 2015</i>	86
	4.3 Perangkaan utama aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan mengikut taraf sah, 2015 <i>Principal statistics of travel agency, tour operator & reservation service activities by legal status, 2015</i>	87
	4.4 Perangkaan utama aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan mengikut hak milik, 2015 <i>Principal statistics of travel agency, tour operator & reservation service activities by ownerships, 2015</i>	88
	4.5 Bilangan pekerja dan gaji & upah aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan mengikut kategori pekerja, 2015 <i>Number of persons engaged and salaries & wages in travel agency, tour operator & reservation service activities by category of workers, 2015</i>	89
5.	Aktiviti keselamatan & penyiasatan <i>Security and investigation activities</i>	
	5.1 Perangkaan utama aktiviti keselamatan & penyiasatan, 2010 dan 2015 <i>Principal statistics of security & investigation activities, 2010 and 2015</i>	90

KANDUNGAN / CONTENTS

Jadual <i>Tables</i>		Muka surat <i>Page</i>
5.2	Perangkaan utama aktiviti keselamatan & penyiasatan mengikut negeri, 2015 <i>Principal statistics of security & investigation activities by states, 2015</i>	91
5.3	Perangkaan utama aktiviti keselamatan & penyiasatan mengikut taraf sah, 2015 <i>Principal statistics of security & investigation activities by legal status, 2015</i>	92
5.4	Perangkaan utama aktiviti keselamatan & penyiasatan mengikut hak milik, 2015 <i>Principal statistics of security & investigation activities by ownerships, 2015</i>	93
5.5	Bilangan pekerja dan gaji & upah aktiviti keselamatan & penyiasatan mengikut kategori pekerja, 2015 <i>Number of persons engaged and salaries & wages in security & investigation activities by category of workers, 2015</i>	94
6.	Aktiviti perkhidmatan bangunan & landskap <i>Services to buildings & landscape activities</i>	
6.1	Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan bangunan & landskap, 2010 dan 2015 <i>Principal statistics of services to building & landscape activities, 2010 and 2015</i>	95
6.2	Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan bangunan & landskap mengikut negeri, 2015 <i>Principal statistics of services to building & landscape activities by states, 2015</i>	96
6.3	Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan bangunan & landskap mengikut taraf sah, 2015 <i>Principal statistics of services to building & landscape activities by legal status, 2015</i>	97
6.4	Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan bangunan & landskap mengikut hak milik, 2015 <i>Principal statistics of services to building & landscape activities by ownerships, 2015</i>	98
6.5	Bilangan pekerja dan gaji & upah aktiviti perkhidmatan bangunan & landskap mengikut kategori pekerja, 2015 <i>Number of persons engaged and salaries & wages in services to building & landscape activities by category of workers, 2015</i>	99

Jadual <i>Tables</i>		Muka surat <i>Page</i>
7. Aktiviti pengurusan pejabat & sokongan perniagaan lain <i>Office administrative & other business support activities</i>		
7.1 Perangkaan utama aktiviti pengurusan pejabat & sokongan perniagaan lain, 2010 dan 2015 <i>Principal statistics of office administrative & other business support activities, 2010 and 2015</i>		100
7.2 Perangkaan utama aktiviti pengurusan pejabat & sokongan perniagaan lain mengikut negeri, 2015 <i>Principal statistics of office administrative & other business support activities by states, 2015</i>		101
7.3 Perangkaan utama aktiviti pengurusan pejabat & sokongan perniagaan lain mengikut taraf sah, 2015 <i>Principal statistics of office administrative & other business support activities by legal status, 2015</i>		102
7.4 Perangkaan utama aktiviti pengurusan pejabat & sokongan perniagaan lain mengikut hak milik, 2015 <i>Principal statistics of office administrative & other business support activities by ownerships, 2015</i>		103
7.5 Bilangan pekerja dan gaji & upah aktiviti pengurusan pejabat & sokongan perniagaan lain mengikut kategori pekerja, 2015 <i>Number of persons engaged and salaries & wages in office administrative & other business support activities by category of workers, 2015</i>		104
Lampiran <i>Appendix</i>		107



BAHAGIAN 1

PART 1

**PENEMUAN UTAMA
DAN RINGKASAN
PENEMUAN**

*MAIN FINDINGS
AND SUMMARY
OF FINDINGS*

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.


This page is deliberately left blank.



BANCI EKONOMI 2016



PENEMUAN UTAMA PENTADBIRAN DAN SOKONGAN



Bilangan pertumbuhan






Kadar pertumbuhan tahunan

11.3%

Nilai output kasar

Nilai input perantara


Nilai ditambah




Bilangan pekerja




Gaji & upah



Nilai harta tetap



Bilangan pertumbuhan milikan wanita






ECONOMIC CENSUS 2016



MAIN FINDINGS ADMINISTRATIVE AND SUPPORT



Number of establishments

2010
10,768 establishments

2015

18,432 establishments

Annual growth rate

11.3%

Value of gross output

2015 RM 27.1 billion

2010 RM 15.6 billion
11.6% per annum

Value of intermediate input

2015 RM 16.6 billion

2010 RM 10.1 billion
10.4% per annum

Value added

2015 RM 10.5 billion

2010 RM 5.5 billion
13.8% per annum

Number of persons engaged

2010 114,923 persons
2015 173,692 persons

8.6% per annum

Salaries & wages

2010 RM 1.9 billion
2015 RM 4.0 billion

16.1% per annum

Value of fixed assets

2010 RM 5.6 billion
2015 RM 11.6 billion
15.9% per annum

Number of women-owned establishments

2010 1,513 establishments
2015 2,541 establishments
10.9% per annum


1. PENGENALAN

Penerbitan ini membentangkan perangkaan bagi perkhidmatan pentadbiran dan sokongan hasil daripada Banci Ekonomi yang dijalankan pada tahun 2016 bagi tahun rujukan 2015. Perkhidmatan pentadbiran dan sokongan merangkumi aktiviti sewaan & pajakan; aktiviti pekerjaan; aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan; aktiviti keselamatan & penyiasatan; aktiviti perkhidmatan bangunan & landskap; dan aktiviti pengurusan pejabat & sokongan perniagaan lain.

2. PRESTASI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

Penemuan banci menunjukkan bahawa sebanyak 18,432 pertubuhan telah beroperasi pada tahun 2015. Nilai output kasar yang dijana oleh perkhidmatan ini adalah berjumlah RM27.1 bilion manakala nilai ditambah adalah RM10.5 bilion. Jumlah pekerja yang terlibat bagi perkhidmatan ini adalah seramai 173,692 orang dengan gaji & upah yang dibayar sebanyak RM4.0 bilion. Nilai harta tetap yang direkodkan adalah sebanyak RM11.6 bilion. Perbandingan perangkaan utama perkhidmatan pentadbiran dan sokongan antara tahun 2010 dan 2015 ditunjukkan di **Paparan 1**.

Paparan 1: Perangkaan Utama Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan, 2010 dan 2015




3. BILANGAN PERTUBUHAN

Pada tahun 2015, sejumlah 18,432 pertubuhan beroperasi dalam perkhidmatan pentadbiran dan sokongan berbanding 10,768 pada tahun 2010. Dalam tempoh ini, bilangan pertubuhan telah meningkat sebanyak 7,664 dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 11.3 peratus. Aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan mencatatkan pertambahan bilangan pertubuhan tertinggi sebanyak 2,181 dengan pertumbuhan tahunan 16.3 peratus diikuti oleh aktiviti pekerjaan (peningkatan 1,477 pertubuhan; 17.6 %) dan aktiviti sewaan & pajakan (peningkatan 1,267 pertubuhan; 11.0%).

Berbanding tahun 2010, aktiviti perkhidmatan bangunan & landskap masih kekal sebagai penyumbang terbesar bagi bilangan pertubuhan iaitu sebanyak 4,128 pertubuhan atau 22.4 peratus. Ini diikuti oleh aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan (4,119 pertubuhan; 22.3%) dan aktiviti pengurusan pejabat & sokongan perniagaan lain (3,421 pertubuhan; 18.6%) seperti ditunjukkan pada **Paparan 2**.

Paparan 2: Bilangan Pertubuhan Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan mengikut Aktiviti, 2010 dan 2015




4. NILAI OUTPUT KASAR

Nilai output kasar yang dijana bagi perkhidmatan ini adalah berjumlah RM27.1 bilion pada tahun 2015 dengan kadar pertumbuhan tahunan 11.6 peratus berbanding tahun 2010 seperti di **Paparan 3**. Peningkatan tertinggi bagi nilai output kasar direkodkan oleh aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan sebanyak RM4.7 bilion dengan kadar pertumbuhan tahunan 9.0 peratus. Peningkatan seterusnya dicatatkan oleh aktiviti keselamatan & penyiasatan (peningkatan RM2.3 bilion; 17.5%) dan aktiviti sewaan & pajakan (peningkatan RM2.2 bilion; 19.5%).

Pada tahun 2015, nilai output kasar tertinggi disumbangkan oleh aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan iaitu sebanyak RM13.4 bilion dengan sumbangan 49.4 peratus. Ini diikuti oleh aktiviti keselamatan & penyiasatan (RM4.1 bilion; 15.2%) dan aktiviti sewaan & pajakan (RM3.7 bilion; 13.6%).

Paparan 3: Nilai Output Kasar Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan mengikut Aktiviti, 2010 dan 2015




5. NILAI DITAMBAH

Pada tahun 2015, nilai ditambah bagi perkhidmatan ini berjumlah RM10.5 bilion berbanding RM5.5 bilion pada tahun 2010. Kadar pertumbuhan tahunan antara tahun 2010 dan 2015 adalah sebanyak 13.8 peratus. Aktiviti keselamatan & penyiasatan mencatatkan peningkatan tertinggi nilai ditambah sebanyak RM1.4 bilion dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 18.6 peratus diikuti oleh aktiviti sewaan & pajakan (peningkatan RM1.2 bilion; 18.0%) dan aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan (peningkatan RM0.9 bilion; 9.3%).

Nilai ditambah menunjukkan struktur yang sama seperti nilai output kasar yang mana aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan kekal sebagai penyumbang tertinggi dengan nilai ditambah sebanyak RM2.7 bilion dengan sumbangan 25.5 peratus seperti di **Paparan 4**. Ini diikuti oleh aktiviti keselamatan & penyiasatan (RM2.4 bilion; 22.9%) dan aktiviti sewaan & pajakan (RM2.2 bilion; 20.8%).


Paparan 4: Nilai Ditambah Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan mengikut Aktiviti, 2010 dan 2015



6. BILANGAN PEKERJA


Paparan 5 menunjukkan bilangan pekerja bagi perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut kategori pekerja pada tahun 2015. Perkhidmatan ini mencatatkan bilangan pekerja seramai 173,692 orang yang mana 159,454 orang atau 91.8 peratus adalah pekerja bergaji sepenuh masa. Seramai 10,556 orang (6.1%) adalah pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga tanpa gaji manakala pekerja bergaji sambilan seramai 3,682 orang (2.1%).

Paparan 5: Bilangan Pekerja Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan mengikut Kategori Pekerja, 2015



Bagi pekerja bergaji sepenuh masa, kategori pekerjaan asas mencatatkan bilangan pekerja yang tertinggi iaitu seramai 55,158 orang dengan sumbangan 34.6 peratus. Ini diikuti oleh kategori pekerja perkhidmatan dan jualan (31,167 orang; 19.5%) dan pekerja sokongan perkeranian (26,600 orang; 16.7%) seperti ditunjukkan di **Paparan 6**.

Paparan 6: Bilangan Pekerja Bergaji Sepenuh Masa Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan mengikut Kategori Pekerja, 2015




6.1 SAIZ PEKERJA

Pertubuhan yang mempunyai saiz pekerja kurang daripada 5 orang merekodkan bilangan pertubuhan tertinggi dalam perkhidmatan pentadbiran dan sokongan dengan peratus sumbangan sebanyak 49.5 peratus. Namun begitu, sumbangan kumpulan ini terhadap nilai output kasar dan bilangan pekerja masing-masing hanyalah sebanyak 11.2 peratus dan 13.1 peratus seperti di **Paparan 7**.

Sementara itu, penyumbang terbesar nilai output kasar dicatatkan oleh pertubuhan dalam kumpulan saiz pekerja 5 hingga 29 orang sebanyak 59.2 peratus (RM16.0 bilion) dan juga mendominasi bilangan pekerja tertinggi sebanyak 45.3 peratus (78,588 orang).

Paparan 7: Perangkaan mengikut Saiz Pekerja dalam Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan, 2015



6.2 KELULUSAN PEKERJA

Majoriti pekerja dalam perkhidmatan ini adalah terdiri daripada pekerja dengan kelulusan SPM/SPM (V) atau yang setaraf iaitu seramai 61,630 orang atau 35.5 peratus. Ini diikuti oleh pekerja dengan kelulusan ijazah sarjana muda/diploma lanjutan atau setaraf seramai 25,758 orang (14.8%) dan diploma seramai 24,727 orang (14.2%) seperti digambarkan pada **Paparan 8**.

Dari segi bilangan pekerja mengikut jantina, pekerja lelaki mendominasi perkhidmatan ini seramai 118,572 orang (68.3%) berbanding pekerja wanita seramai 55,120 orang (31.7%). Bilangan pekerja lelaki didapati melebihi pekerja wanita bagi semua kelulusan kecuali kelulusan STPM atau yang setaraf yang mana pekerja wanita mencatatkan bilangan pekerja tertinggi seramai 7,688 orang (53.8%) berbanding pekerja lelaki seramai 6,609 orang (46.2%).

Paparan 8: Bilangan Pekerja Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan mengikut Kelulusan dan Jantina, 2015

Kelulusan	Jumlah		Bil. Pekerja Lelaki	Bil. Pekerja Perempuan
	Jumlah	Persentase		
Pascasiswazah	3,048	1.8%	74.5%	25.5%
Ijazah sarjana muda/diploma lanjutan atau yang setaraf	25,758	14.8%	69.0%	31.0%
Diploma	24,727	14.2%	58.5%	41.5%
STPM atau yang setaraf	14,297	8.2%	46.2%	53.8%
Sijil	20,095	11.6%	69.5%	30.5%
SPM/SPM (V) atau yang setaraf	61,630	35.5%	72.0%	28.0%
Di bawah taraf kelulusan SPM/SPM (V)	24,137	13.9%	79.2%	20.8%


7. GAJI & UPAH

Jumlah gaji & upah yang dibayar pada tahun 2015 adalah sebanyak RM3,967.4 juta (2010: RM1,879.0 juta) dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 16.1 peratus. Aktiviti keselamatan & penyiasatan mencatatkan peningkatan tertinggi gaji & upah sebanyak RM687.8 juta dengan kadar pertumbuhan tahunan 19.0 peratus diikuti oleh aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan (RM405.5 juta; 13.0%) dan aktiviti sewaan & pajakan (RM342.8 juta; 25.1%).

Berbanding tahun 2010, gaji & upah tertinggi masih kekal dibayar kepada pekerja dalam aktiviti keselamatan & penyiasatan berjumlah RM1,184.9 juta dengan sumbangan 29.9 peratus. Ini diikuti oleh aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan (RM887.6 juta; 22.4%) dan aktiviti perkhidmatan bangunan & landskap (RM595.7 juta; 15.0%) seperti ditunjukkan pada **Paparan 9**.


RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 9: Gaji & Upah Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan mengikut Aktiviti, 2010 dan 2015



Perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mencatatkan purata gaji & upah bulanan sebanyak RM2,027 dengan kadar pertumbuhan tahunan 6.9 peratus seperti di **Paparan 10**. Pekerja dalam aktiviti sewaan & pajakan merekodkan purata gaji bulanan tertinggi berjumlah RM2,618 manakala purata gaji kedua tertinggi dicatatkan oleh aktiviti pengurusan pejabat & sokongan perniagaan lain (RM2,593). Ini diikuti oleh aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan (RM2,581).

Paparan 10: Purata Gaji & Upah Bulanan Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan mengikut Aktiviti, 2010 dan 2015



Purata gaji & upah bulanan 2015: RM2,027
Kadar pertumbuhan tahunan: 6.9%


















8. PRESTASI MENGIKUT NEGERI

Selangor mendominasi bilangan pertubuhan bagi perkhidmatan pentadbiran dan sokongan iaitu sebanyak 4,801 pertubuhan dengan sumbangan 26.0 peratus seperti pada **Paparan 11**. Ini diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (4,384 pertubuhan; 23.8%) dan Johor (1,767 pertubuhan; 9.6%). Bagi tempoh 2010 hingga 2015, W.P. Kuala Lumpur mencatatkan pertambahan bilangan pertubuhan tertinggi iaitu 1,655 dengan kadar pertumbuhan tahunan 9.9 peratus. Peningkatan seterusnya direkodkan oleh Selangor (peningkatan 1,349 pertubuhan; 6.8%) dan Johor (peningkatan 995 pertubuhan; 18.0%).

W.P. Kuala Lumpur merekodkan nilai output kasar tertinggi iaitu RM12.1 bilion dengan kadar pertumbuhan tahunan 10.5 peratus, diikuti oleh Selangor (RM6.3 bilion; 11.0%) dan Johor (RM1.9 bilion; 14.6%). Selari dengan prestasi nilai output kasar, W.P. Kuala Lumpur juga merupakan penyumbang tertinggi bagi nilai ditambah iaitu RM3.8 bilion dengan mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan 11.8 peratus, diikuti oleh Selangor (RM3.0 bilion; 12.9%) dan Johor (RM0.8 bilion; 19.7%). Perangkaan utama lain bagi perkhidmatan pentadbiran dan sokongan mengikut negeri ditunjukkan di **Paparan 12**.


RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 11: Bilangan Pertubuhan, Nilai Output Kasar dan Nilai Ditambah Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan mengikut Negeri, 2010 dan 2015


			Bilangan pertubuhan	Kadar pertumbuhan tahunan	Nilai output kasar (RM juta)	Kadar pertumbuhan tahunan	Nilai ditambah (RM juta)	Kadar pertumbuhan tahunan
W.P. KUALA LUMPUR		2015	4,384	9.9%	12,062.9	10.5%	3,817.1	11.8%
		2010	2,729		7,335.3		2,185.6	
SELANGOR		2015	4,801	6.8%	6,275.4	11.0%	3,037.6	12.9%
		2010	3,452		3,719.4		1,655.6	
JOHOR		2015	1,767	18.0%	1,863.3	14.6%	808.2	19.7%
		2010	772		942.1		329.0	
PULAU PINANG		2015	1,318	17.3%	1,382.6	14.1%	484.6	18.9%
		2010	593		715.2		204.2	
SABAH		2015	832	14.5%	1,226.7	15.4%	433.5	13.4%
		2010	422		599.8		230.9	
SARAWAK		2015	896	17.9%	1,067.8	10.3%	445.2	8.7%
		2010	394		655.5		292.7	
PERAK		2015	845	10.8%	550.7	3.3%	245.8	6.3%
		2010	506		468.8		180.9	
KEDAH		2015	892	11.3%	527.7	9.1%	237.5	13.9%
		2010	522		341.6		123.7	
NEGERI SEMBILAN		2015	566	13.2%	489.6	22.2%	230.5	26.8%
		2010	304		179.8		70.4	
TERENGGANU		2015	361	11.0%	398.9	17.9%	179.0	25.1%
		2010	214		174.8		58.5	
MELAKA		2015	728	17.1%	360.0	10.7%	178.1	20.6%
		2010	330		217.0		69.7	
W.P. LABUAN		2015	103	28.9%	268.0	67.2%	149.2	65.1%
		2010	29		20.5		12.2	
PAHANG		2015	418	6.2%	224.7	15.2%	126.0	14.3%
		2010	309		110.5		64.4	
KELANTAN		2015	418	25.0%	176.5	19.3%	72.6	32.0%
		2010	137		73.2		18.1	
W.P. PUTRAJAYA		2015	36	22.6%	133.7	22.2%	39.5	41.7%
		2010	13		49.1		6.9	
PERLIS		2015	67	9.8%	60.9	16.8%	23.8	12.6%
		2010	42		28.0		13.1	
MALAYSIA		2015	18,432	11.3%	27,069.3	11.6%	10,508.2	13.8%
		2010	10,768		15,630.7		5,515.9	

RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 12: Perangkaan Utama Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan mengikut Negeri, 2015



RINGKASAN PENEMUAN




Selangor mencatatkan bilangan pekerja tertinggi seramai 49,918 orang. Ini diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur dan Johor masing-masing seramai 48,936 orang dan 13,644 orang. Ketiga-tiga negeri ini juga merekodkan gaji & upah tertinggi yang berjumlah RM2.9 bilion atau menyumbang sebanyak 73.5 peratus.

9. PERTUBUHAN MILIKAN WANITA

Pada tahun 2015, sebanyak 2,541 pertubuhan milikan wanita dicatatkan dalam perkhidmatan pentadbiran dan sokongan dengan kadar pertumbuhan tahunan 10.9 peratus dari tahun 2010. Berbanding pada tahun 2010, aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan mencatatkan pertambahan tertinggi dalam bilangan pertubuhan milikan wanita iaitu sebanyak 309 pertubuhan. Ini diikuti oleh aktiviti perkhidmatan bangunan & landskap dan aktiviti sewaan & pajakan masing-masing sebanyak 211 pertubuhan dan 198 pertubuhan.


Aktiviti perkhidmatan bangunan & landskap kekal sebagai penyumbang milikan wanita tertinggi sebanyak 25.3 peratus (642 pertubuhan). Ini diikuti oleh aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan (622 pertubuhan; 24.5%) dan aktiviti pengurusan pejabat & sokongan perniagaan lain (499 pertubuhan; 19.6%) seperti pada **Paparan 13**.

Paparan 13: Bilangan Pertubuhan Milikan Wanita Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan mengikut Aktiviti, 2010 dan 2015




Bagi perbandingan antara negeri, W.P. Kuala Lumpur mencatatkan peratusan tertinggi bagi pertubuhan milikan wanita iaitu 22.9 peratus (581 pertubuhan), diikuti oleh Selangor (18.5%; 470 pertubuhan) dan Johor (9.5%; 241 pertubuhan) seperti ditunjukkan pada **Paparan 14**.

Paparan 14: Bilangan Pertubuhan Milikan Wanita Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan mengikut Negeri, 2015



Nilai output kasar yang dihasilkan oleh pertubuhan milikan wanita adalah RM3.4 bilion dengan sumbangan 12.4 peratus. Bagi nilai ditambah, sebanyak RM1.1 bilion (10.7%) telah direkodkan oleh pertubuhan milikan wanita seperti pada **Paparan 15**. Pertubuhan milikan wanita mempunyai 20,697 orang pekerja dengan gaji & upah yang dibayar adalah sebanyak RM0.4 bilion.

Paparan 15: Perangkaan Utama Pertubuhan Milikan Wanita Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan, 2015



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

This page is deliberately left blank.

SUMMARY OF FINDINGS


1. INTRODUCTION

This publication presents statistics on administrative and support services resulted from the Economic Census undertaken in 2016 for reference year 2015. Administrative and support services encompass of rental & leasing activities; employment activities; travel agency, tour operator & reservation service activities; security & investigation activities; services to buildings & landscape activities; and office administrative & other business support activities.

2. PERFORMANCE OF ADMINISTRATIVE AND SUPPORT SERVICES

Findings of the census showed that there were 18,432 establishments operated in 2015. Value of gross output generated by administrative and support services amounted to RM27.1 billion while the value added was RM10.5 billion. Total number of persons engaged in these services was 173,692 persons with total salaries & wages paid RM4.0 billion. The value of fixed assets recorded RM11.6 billion. Comparison of key statistics of administrative and support services between 2010 and 2015 is shown in **Exhibit 1**.

Exhibit 1: Key Statistics of Administrative and Support Services, 2010 and 2015




SUMMARY OF FINDINGS

3. NUMBER OF ESTABLISHMENTS

In 2015, a total of 18,432 establishments operated in administrative and support services as compared to 10,768 in 2010. During this period, the number of establishments recorded an increase of 7,664 with annual growth rate of 11.3 per cent. Travel agency, tour operator & reservation service activities recorded the highest increase of number of establishments by 2,181 with annual growth rate of 16.3 per cent, followed by employment activities (increased by 1,477 establishments; 17.6%) and rental and leasing activities (increased by 1,267 establishments; 11.0%).

As compared to 2010, services to building & landscape activities remained as the largest contributor in the number of establishments with 4,128 establishments or 22.4 per cent. This was followed by travel agency, tour operator & reservation service activities (4,119 establishments; 22.3%) and office administrative & other business support activities (3,421 establishments; 18.6%) as shown in **Exhibit 2**.

Exhibit 2: Number of Establishments of Administrative and Support Services by Activities, 2010 and 2015




SUMMARY OF FINDINGS

4. VALUE OF GROSS OUTPUT

Value of gross output generated by these services amounted to RM27.1 billion in 2015 with annual growth rate of 11.6 per cent as compared to 2010 as shown in **Exhibit 3**. The highest increase in value of gross output was recorded by travel agency, tour operator & reservation service activities by RM4.7 billion with annual growth rate of 9.0 per cent. This was followed by security & investigation activities (increased by RM2.3 billion; 17.5%) and rental & leasing activities (increased by RM2.2 billion; 19.5%).

In 2015, the highest value of gross output was contributed by travel agency, tour operator & reservation service activities at RM13.4 billion with a share of 49.4 per cent. This was followed by security & investigation activities (RM4.1 billion; 15.2%) and rental & leasing activities (RM3.7 billion; 13.6%).

Exhibit 3: Value of Gross Output of Administrative and Support Services by Activities, 2010 and 2015




SUMMARY OF FINDINGS

5. VALUE ADDED

In 2015, the value added of these services was RM10.5 billion as compared to RM5.5 billion in 2010. The annual growth rate between 2010 and 2015 was 13.8 per cent. Security & investigation activities recorded the highest increase in the value added by RM1.4 billion with annual growth rate of 18.6 per cent, followed by rental & leasing activities (increased by RM1.2 billion; 18.0%) and travel agency, tour operator & reservation service activities (increased by RM0.9 billion; 9.3%).

The structure of value added was about the same as value of gross output which travel agency, tour operator & reservation service activities was the highest contributor with RM2.7 billion with a share of 25.5 per cent as in **Exhibit 4**. This was followed by security & investigation activities (RM2.4 billion; 22.9%) and rental & leasing activities (RM2.2 billion; 20.8%).


Exhibit 4: Value Added of Administrative and Support Services by Activities, 2010 and 2015



6. NUMBER OF PERSONS ENGAGED

Exhibit 5 shows the number of persons engaged in administrative and support services by category of workers in 2015. These services recorded 173,692 number of persons engaged, of which 159,454 persons or 91.8 per cent were paid full-time employees. A total of 10,556 persons (6.1%) was working proprietors and unpaid family workers while paid part-time employees were 3,682 persons (2.1%).


Exhibit 5: Number of Persons Engaged in Administrative and Support Services by Category of Workers, 2015



For paid full-time employees, category of elementary occupation constituted the highest number of 55,158 persons with a share of 34.6 per cent. This was followed by service and sales workers category (31,167 persons; 19.5%) and clerical support workers (26,600 persons; 16.7%) as shown in **Exhibit 6**.

SUMMARY OF FINDINGS

Exhibit 6: Number of Paid Full-Time Employees in Administrative and Support Services by Category of Workers, 2015




6.1 SIZE OF EMPLOYMENT

Establishments engaging less than 5 persons recorded the highest number of establishments in administrative and support services with a share of 49.5 per cent. However, the contribution of this group to the value of gross output and number of persons engaged was only 11.2 per cent and 13.1 per cent respectively as in **Exhibit 7**.

Meanwhile, the largest contributor to value of gross output was recorded by establishments in employment size of 5 to 29 persons with a share of 59.2 per cent (RM16.0 billion) and also dominated the highest number of persons engaged by 45.3 per cent (78,588 persons).

SUMMARY OF FINDINGS

Exhibit 7: Statistics by Size of Employment of Administrative and Support Services, 2015



6.2 QUALIFICATION OF EMPLOYEES


Majority of employees in these services consists of workers with SPM/SPM (V) or equivalent qualification of 61,630 persons or 35.5 per cent. This was followed by employees with bachelor's degree/advanced diploma or equivalent of 25,758 persons (14.8%) and diploma with 24,727 persons (14.2%) as illustrated in **Exhibit 8**.

In terms of the number of persons engaged by sex, male workers dominated these services with 118,572 persons (68.3%) compared to female workers with 55,120 persons (31.7%). It was observed that male workers outnumbered female workers in all qualification except STPM or equivalent where female workers were 7,688 persons (53.8%) compared to male workers, 6,609 persons (46.2%).

SUMMARY OF FINDINGS

Exhibit 8: Number of Persons Engaged in Administrative and Support Services by Qualifications and Sex, 2015

Qualification	Total		Number of persons engaged Male		Number of persons engaged Female	
	Count	Percentage	Percentage	Count	Count	Percentage
Postgraduate	3,048	1.8%	74.5%	2,270	778	25.5%
Bachelor/advanced diploma or equivalent	25,758	14.8%	69.0%	17,782	7,976	31.0%
Diploma	24,727	14.2%	58.5%	14,466	10,261	41.5%
STPM or equivalent	14,297	8.2%	46.2%	6,609	7,688	53.8%
Certificate	20,095	11.6%	69.5%	13,974	6,121	30.5%
SPM/SPM (V) or equivalent	61,630	35.5%	72.0%	44,356	17,274	28.0%
Below SPM/SPM (V) qualification	24,137	13.9%	79.2%	19,115	5,022	20.8%




7. SALARIES & WAGES

Total salaries & wages paid in 2015 stood at RM3,967.4 million (2010: RM1,879.0 million) with annual growth rate of 16.1 per cent. Security & investigation activities recorded the highest increase in salaries & wages of RM687.8 million with annual growth rate of 19.0 per cent, followed by travel agency, tour operator & reservation service activities (RM405.5 million; 13.0%) and rental & leasing activities (RM342.8 million; 25.1%).

As compared to 2010, security & investigation activities remained the highest salaries & wages paid, amounting to RM1,184.9 million with a share of 29.9 per cent. This was followed by travel agency, tour operator & reservation service activities (RM887.6 million; 22.4%) and services to building & landscape activities (RM595.7 million; 15.0%) as shown in **Exhibit 9**.


SUMMARY OF FINDINGS

Exhibit 9: Salaries & Wages of Administrative and Support Services by Activities, 2010 and 2015



Administrative and support services recorded an average monthly salary of RM2,027 with annual growth rate of 6.9 per cent as in **Exhibit 10**. Persons engaged in rental & leasing activities received the highest average monthly salary of RM2,618 while the second highest was registered by office administrative & other business support activities (RM2,593). This was followed by travel agency, tour operator & reservation service activities (RM2,581).

Exhibit 10: Average Monthly Salary Administrative and Support Services by Activities, 2010 and 2015



Average monthly salary 2015: RM2,027
Annual growth rate: 6.9%


















8. PERFORMANCE BY STATE

Selangor dominated the number of establishments for administrative and support services of 4,801 establishments with a share of 26.0 per cent as in **Exhibit 11**. This was followed by W.P. Kuala Lumpur (4,384 establishments; 23.8%) and Johor (1,767 establishments; 9.6%). For the period of 2010 to 2015, W.P. Kuala Lumpur recorded the highest increment of establishments by 1,655 with annual growth rate of 9.9 per cent. This was followed by Selangor (increased by 1,349 establishments; 6.8%) and Johor (increased by 995 establishments; 18.0%).

W.P. Kuala Lumpur recorded the highest value of gross output of RM12.1 billion with annual growth rate of 10.5 per cent, followed by Selangor (RM6.3 billion; 11.0%) and Johor (RM1.9 billion; 14.6%). In line with the performance of gross output value, W.P. Kuala Lumpur was the top contributor to value added of RM3.8 billion recorded annual growth rate of 11.8 per cent, followed by Selangor (RM3.0 billion; 12.9%) and Johor (RM0.8 billion; 19.7%). Other key statistics of administrative and support services by states are shown in **Exhibit 12**.


SUMMARY OF FINDINGS

Exhibit 11: Number of Establishments, Value of Gross Output and Value Added of Administrative and Support Services by States, 2010 and 2015


			Number of Annual establishments growth rate		Value of gross output (RM million) Annual growth rate		Value added (RM million) Annual growth rate	
			2015	2010	2015	2010	2015	2010
W.P. KUALA LUMPUR		2015	4,384	9.9%	12,062.9	10.5%	3,817.1	11.8%
		2010	2,729		7,335.3		2,185.6	
SELANGOR		2015	4,801	6.8%	6,275.4	11.0%	3,037.6	12.9%
		2010	3,452		3,719.4		1,655.6	
JOHOR		2015	1,767	18.0%	1,863.3	14.6%	808.2	19.7%
		2010	772		942.1		329.0	
PULAU PINANG		2015	1,318	17.3%	1,382.6	14.1%	484.6	18.9%
		2010	593		715.2		204.2	
SABAH		2015	832	14.5%	1,226.7	15.4%	433.5	13.4%
		2010	422		599.8		230.9	
SARAWAK		2015	896	17.9%	1,067.8	10.3%	445.2	8.7%
		2010	394		655.5		292.7	
PERAK		2015	845	10.8%	550.7	3.3%	245.8	6.3%
		2010	506		468.8		180.9	
KEDAH		2015	892	11.3%	527.7	9.1%	237.5	13.9%
		2010	522		341.6		123.7	
NEGERI SEMBILAN		2015	566	13.2%	489.6	22.2%	230.5	26.8%
		2010	304		179.8		70.4	
TERENGGANU		2015	361	11.0%	398.9	17.9%	179.0	25.1%
		2010	214		174.8		58.5	
MELAKA		2015	728	17.1%	360.0	10.7%	178.1	20.6%
		2010	330		217.0		69.7	
W.P. LABUAN		2015	103	28.9%	268.0	67.2%	149.2	65.1%
		2010	29		20.5		12.2	
PAHANG		2015	418	6.2%	224.7	15.2%	126.0	14.3%
		2010	309		110.5		64.4	
KELANTAN		2015	418	25.0%	176.5	19.3%	72.6	32.0%
		2010	137		73.2		18.1	
W.P. PUTRAJAYA		2015	36	22.6%	133.7	22.2%	39.5	41.7%
		2010	13		49.1		6.9	
PERLIS		2015	67	9.8%	60.9	16.8%	23.8	12.6%
		2010	42		28.0		13.1	
MALAYSIA		2015	18,432		27,069.3		10,508.2	
		2010	10,768	11.3%	15,630.7	11.6%	5,515.9	13.8%

SUMMARY OF FINDINGS

Exhibit 12: Key Statistics of Administrative and Support Services by States, 2015



SUMMARY OF FINDINGS



Selangor recorded the highest number of persons engaged with 49,918 persons. This was followed by W.P. Kuala Lumpur and Johor with 48,936 persons and 13,644 persons respectively. These three states also recorded the highest salaries & wages paid with the total of RM2.9 billion or contributed 73.5 per cent.


SUMMARY OF FINDINGS

9. WOMEN-OWNED ESTABLISHMENTS

In 2015, there were 2,541 women-owned establishments in administrative and support services with annual growth rate of 10.9 per cent. As compared to 2010, travel agency, tour operator & reservation service activities recorded the highest increase in the number of women-owned establishments by 309 establishments. This was followed by services to buildings & landscape activities and rental & leasing activities with 211 establishments and 198 establishments respectively.

Women-owned establishments remained dominated by services to buildings & landscape activities with share of 25.3 per cent (642 establishments). This was followed by travel agency, tour operator & reservation service activities (622 establishments; 24.5%) and office administrative & other business support activities (499 establishments; 19.6%) as shown in Exhibit 13.


Exhibit 13: Number of Women-Owned Establishments in Administrative and Support Services by Activities, 2010 and 2015



SUMMARY OF FINDINGS


For state comparison, W.P. Kuala Lumpur registered the highest percentage of women-owned establishments with 22.9 per cent (581 establishments), followed by Selangor (18.5%; 470 establishments) and Johor (9.5%; 241 establishments) as shown in **Exhibit 14**.

Exhibit 14: Number of Women-owned Establishments in Administrative and Support Services by States, 2015



Value of gross output generated by women-owned establishments was RM3.4 billion with a share of 12.4 per cent. For value added, a total of RM1.1 billion (10.7%) was recorded by women-owned establishments as shown in **Exhibit 15**. Total number of persons engaged in women-owned establishments was 20,697 persons with salaries & wages paid amounted to RM0.4 billion.

Exhibit 15: Key Statistics of Women-Owned Establishments Administrative and Support Services, 2015



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

This page is deliberately left blank.



BAHAGIAN 2

PART 2

**NOTA
TEKNIKAL**

*TECHNICAL
NOTES*

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

This page is deliberately left blank.

1. Skop dan liputan

Banci ini meliputi pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam **perkhidmatan pentadbiran dan khidmat sokongan** yang merangkumi aktiviti utama berikut:

- i. Aktiviti sewaan & pajakan;
- ii. Aktiviti pekerjaan;
- iii. Aktiviti agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan;
- iv. Aktiviti keselamatan & penyiasatan;
- v. Aktiviti perkhidmatan bangunan & landskap; dan
- vi. Aktiviti pengurusan pejabat & sokongan perniagaan lain.

Keseluruhannya, liputan banci bagi perkhidmatan pentadbiran dan khidmat sokongan terdiri daripada 55 industri di peringkat 5-digit mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver. 1.0. Senarai lengkap industri seperti di **Lampiran**.

2. Sumber rangka

Sumber utama rangka pertubuhan diperoleh daripada agensi seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), *Registrar of Societies* (ROS), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MoTAC) dan sumber-sumber lain.

Rangka dikemaskini setiap tahun untuk mengambil kira pertubuhan baru dan sebarang perubahan dalam status pertubuhan seperti tutup, tidak beroperasi, perubahan jenis aktiviti atau alamat untuk memastikan maklumat yang terdapat di dalam rangka adalah yang paling terkini.

3. Jenis aktiviti perniagaan

Jenis aktiviti perniagaan merujuk kepada aktiviti utama dan sekunder. Aktiviti utama merujuk kepada aktiviti yang mana pertubuhan menggunakan sebahagian besar daripada sumbernya atau yang memberikan sumbangan besar dari segi pendapatan. Aktiviti sekunder didefinisikan sebagai aktiviti sampingan kepada aktiviti utama. Klasifikasi industri bagi pertubuhan adalah mengikut aktiviti utamanya berdasarkan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver.1.0. MSIC 2008 Ver.1.0 adalah selaras dengan Piawaian

Klasifikasi Industri Antarabangsa bagi Semua Aktiviti Ekonomi (ISIC), Semakan Ke-4, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dengan pengubahsuaian untuk keperluan tempatan.

4. Konsep dan definisi

Definisi perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi yang diguna pakai dalam penerbitan ini berasaskan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver 1.0:

Perkhidmatan pentadbiran dan khidmat sokongan termasuk pelbagai aktiviti yang menyokong operasi am perniagaan meliputi aktiviti sewaan dan pajakan, aktiviti pekerjaan, agensi pengembaraan, operator pelancongan dan aktiviti perkhidmatan penempahan lain, aktiviti keselamatan dan penyiasatan, aktiviti perkhidmatan kepada bangunan dan lanskap dan pentadbiran pejabat, aktiviti sokongan pejabat dan perniagaan lain.

i. **Aktiviti sewaan & pajakan**

Aktiviti ini merujuk kepada perkhidmatan sewaan bermotor, kelengkapan persendirian dan isi rumah, pajakan mesin dan kelengkapan lain yang selalunya digunakan untuk operasi perniagaan, termasuk kelengkapan pengangkutan lain dan produk yang seumpamanya.

ii. **Aktiviti pekerjaan**

Aktiviti ini merujuk kepada perkhidmatan menyenaraikan kekosongan pekerjaan dan menempatkan permohonan untuk pekerjaan, yang mana individu yang dirujuk atau ditempatkan bukanlah pekerja kepada agensi pekerjaan, membekal pekerja kepada perniagaan pelanggan bagi jangka masa terhad untuk menambah tenaga kerja pelanggan dan aktiviti menyediakan sumber manusia dan perkhidmatan pengurusan sumber manusia berdasarkan kontrak atau yuran.

iii. Agensi pengembaraan, operator pelancongan & khidmat penempahan

